

Maybank Overseas Transfer Fee Waiver Campaign Q3 2024 - Terms and Conditions

Maybank Overseas Transfer Fee Waiver Campaign Q3 2024 (“**Campaign**”) is organised by Malayan Banking Berhad (196001000142) (known as “**Maybank**”). The Campaign is subject to these Terms & Conditions. By participating in this Campaign, Eligible Customers (as defined in Clause 1 below) hereby expressly agree to be bound by these Terms & Conditions and all the decisions made by Maybank in respect of this Campaign shall be final and binding.

1. **Eligibility**

- A. This Campaign is open to Maybank’s Individual/Sole Proprietors customers who are at least eighteen (18) years of age and with an active Maybank2u (M2U) ID/account (“**Eligible Customers**”).
- B. Enrolment is not required for the purpose of participation in this Campaign.
- C. Employees of Maybank and its group of companies are NOT eligible to participate in this Campaign.

2. **Campaign Mechanics**

- A. The Campaign will be held from Monday 1st July 2024 at 0000hrs until Monday 30th September 2024 at 2359hrs (both dates inclusive) (“**Campaign Period**”).
- B. The Campaign Period is split into 3 months (“**Campaign Month**”)

Campaign Month	Dates
Campaign Month 1	1-31 July 2024
Campaign Month 2	1-31 August 2024
Campaign Month 3	1-30 September 2024

- C. **Eligible Customer(s)** must make an **Eligible Transaction** within the **Campaign Period** to be entitled to win **Prize(s)** in this Campaign. The Prize(s) will be given as stipulated in Clause 2(E), on first-come, first-serve basis.
- D. **Eligible Transactions** shall mean any successful overseas fund transfer from Malaysia to Singapore made by the **Eligible Customers** within the Campaign Period that fulfil the below criteria (“**Eligible Transaction**”).
 - Minimum transfer amount of RM10,000.
 - Transfer made via Maybank Overseas Transfer (MOT) service through Maybank2u web or MAE app.
 - Transfer made from a Maybank/Maybank’s Current or Savings Account in Ringgit Malaysia.
- E. The Campaign Mechanics and the Prizes (“**Prize**”) are stipulated in the below table.

Campaign Mechanics	Prize
Eligible Customers who make an Eligible Transaction are entitled to fee waiver (“ Prize ”), subjects to the total cashback pool allocated per Campaign Month, winners (“ Winners ”) will be selected on first-come first-served basis.	Winners will be entitled to Service Fee & Agent Bank’s fee waiver. Fee waiver will be given in the form of cashback. <ul style="list-style-type: none"> - For Eligible Transaction made to Maybank Singapore Limited (MSL) and Malayan Banking Berhad, Singapore Branch (MBS), Winner will get 100% cashback on RM10 service fee.

	<ul style="list-style-type: none">- For Eligible Transaction made to other banks in Singapore, Winner will get 100% cashback on RM10 Service Fee and SGD2.2 agent's bank fee.- Cashback will be provided in Ringgit Malaysia. Should the fee charged for the Eligible Transaction is not in Ringgit Malaysia, currency exchange rate which was applied for the Eligible Transaction will be used for calculation of cashback. <p>Prize capping:</p> <ul style="list-style-type: none">- Limited to the first 1,000 Eligible Transactions made by the Eligible Customers per Campaign Month.- A total 3,000 Eligible Transactions made by the Eligible Customers will be selected & entitled to win Prize for the entire Campaign Period.
--	--

F. Each Eligible Customer is entitled to win one (1) Prize per Campaign Month.

3.0 Prize Fulfilment

- A. Maybank will identify the Winners and credit the Prize(s) into the Winner's Maybank/Maybank Islamic's Current/Savings Account that is used for performing the Eligible Transaction within 90 days after the end of the Campaign Period.
- B. Winners will be informed in writing via push notification from the MAE app or any other method of communications which Maybank deems appropriate. Maybank reserves the right to request for any additional information to verify the Winners.
- C. The Winner's Maybank/Maybank Islamic's Current/Savings Account that are used for performing the Eligible Transaction must not be dormant, on hold or closed at the point the Prize(s) is being credited. Maybank reserves the right to forfeit the Prize(s) if such circumstances arises.
- D. Maybank reserves the right to substitute the Prizes with any other item(s) of similar market value as we reasonably deems fit with seven (7) calendar days prior notice to the Winners which will be communicated on Maybank2u website and/or other platforms deemed appropriate by Maybank.
- E. Eligible Customers shall be responsible to ensure that their contact details such as mobile number, email address and correspondence address provided are current and updated with the Maybank. Failure to do so may lead to disqualification from the Campaign for the Eligible Customers and Maybank shall not be responsible to the Eligible Customers for any loss (including loss of opportunity and consequential loss flowing there from) suffered in the event the Eligible Customers' contact details in the Bank's record are not updated.
- F. The Winners acknowledge and agree that Maybank reserves the rights to (i) disqualify their participation in this Campaign; and/or (ii) clawback any Prizes from the Winners if:
 - i. the Winner is found or suspected of tampering with the Campaign Mechanics or the operations of the Campaign; or
 - ii. the Winner is found or suspected of undertaking fraudulent activities or other activities that are inconsistent with the intention of the Campaign;

Notwithstanding the above, Maybank reserves the right to reject any participation or any Winners at its reasonable discretion without assigning any reasons.

- G. Maybank will **NOT** provide any replacement or substitute for the Prizes if the Winner rejects the Prize and /or sent and /or request for alternative option(s).
- H. Prize awarded to Winners are non-transferrable and non-exchangeable for any other kind of product, whether in part or in full.

4.0 General Terms & Conditions

- A. Maybank shall not be responsible or held liable in respect of technical failures of any kind whatsoever, intervention, interruptions, and/or electronic or human errors in the administration and/or processing of the transaction performed via the MAE app, M2U app, Maybank2u Biz, Maybank2u, or Maybank2e provided the same is not caused by Maybank.
- B. Maybank reserves the right to withdraw, cancel, suspend, extend or terminate this Campaign earlier in whole or in part and reserves the right to modify any of the terms and conditions contained herein, from time to time by giving at least minimum of twenty-one (21) days (“day” shall have the same meaning as calendar day) prior notice thereof, the notice of which shall be posted through Maybank2u website at www.maybank2u.com.my or through any other channel determined appropriate by Maybank. It shall be the responsibility of the Eligible Customers to be informed of or otherwise seek out any such notice validly posted.
- C. By participating in this Campaign, Eligible Customers agree to access the Maybank2u website at www.maybank2u.com.my on a regular basis to view the terms and conditions herein and seek clarification from Maybank should any of the Terms & Conditions be not fully understood.
- D. By participating in this Campaign, Eligible Customers agree to be bound by the Terms and Conditions herein and agree and consent to allow his/her personal data being collected, processed and used by Maybank in accordance with the Maybank Privacy Statement, which may be viewed on www.maybank2u.com.my (“Maybank’s Privacy Statement”) and the PDPA Form for Individual Customers.

In addition, and without prejudice to the terms in the Maybank’s Privacy Statement and the PDPA Form for Individual Customers, Eligible Customers agree and consent to his/her personal data or information being collected, processed and used by Maybank for:

- i. the purposes of the Campaign; and
- ii. marketing and promotional activities conducted by Maybank, including but not limited to any form of advertising or publicity media and materials such as audio and/or visual recordings published through newspapers, television networks, radio stations or online and digital media and on the Internet. Marketing and promotion activities include without limitation the use and/or publication of any details provided in and/or in connection to the entries, interviews material as well responses and related photographs. In this regard, Eligible Customers agree to co-operate and participate in all advertising and publicity activities of Maybank in relation to the Campaign.

*Note: “PDPA” refers to Personal Data Protection Act (2010).

- E. Maybank and its officers, servants, employees, representatives and/or agents (including without limitation, any third party service providers engaged by Maybank for the purposes of this Campaign) shall not be liable to Eligible Customers in this Campaign for any direct, indirect, special or consequential loss or damage (including but not limited to, loss of income, profits or goodwill) arising from or in connection with this Campaign unless caused by any gross negligence or omission by Maybank.
- F. Maybank shall not be liable for any default of its obligation under this Campaign due to any force majeure events which include but not limited to acts of God, civil commotion, acts of war, strike, riot, lockout,

industrial action, fire, flood, drought, storm, epidemic and pandemic or any events and circumstances of whatever nature beyond the reasonable control of Maybank.

- G. Maybank may disqualify/reject any Eligible Customer who does not comply with the terms and conditions stated herein and/or are found or suspected to be tampering with the Campaign and/or its process or the operations of this Campaign which includes fraudulent activities involving any act of deceit and/or deception and/or cheating with regards to the Campaign.
- H. These Terms and Conditions shall be governed by the Laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

For information, enquiries, feedback and/or complaints related to this Campaign, please contact Maybank's Customer Care hotline at 1 300 88 6688 or +603 7844 3696. Alternatively for feedback and/or complaints, Eligible Customers may choose to e-mail Maybank via the feedback form at Maybank2u website www.maybank2u.com.my.

Kempen Pengecualian Yuran Maybank Overseas Transfer S3 2024 - Terma dan Syarat

Kempen Pengecualian Yuran Maybank Overseas Transfer S3 2024 ("**Kempen**") dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (196001000142) (dikenali sebagai "**Maybank**"). Kempen ini tertakluk kepada Terma dan Syarat ini. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Pelanggan Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 1 di bawah) dengan ini bersetuju dengan jelas untuk terikat oleh Terma & Syarat ini dan semua keputusan yang dibuat oleh Maybank berkenaan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat.

1.0 Kelayakan

- D. Kempen ini terbuka kepada pelanggan Individu/Pemilik Tunggal Maybank yang berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun dan mempunyai ID/akaun Maybank2u (M2U) yang aktif ("**Pelanggan Yang Layak**").
- E. Pendaftaran tidak diperlukan untuk tujuan penyertaan dalam Kempen ini.
- F. Pekerja-pekerja Maybank dan syarikat-syarikat kumpulannya **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini.

2.0 Mekanik Kempen

- A. Kempen ini akan diadakan dari Isnin, 1 Julai 2024 pada 00:00 hingga Isnin, 30 September 2024 pada 23:59 (termasuk kedua-dua tarikh) ("**Tempoh Kempen**").
- B. Tempoh Kempen dibahagikan kepada 5 bulan ("**Bulan Kempen**"):

Bulan Kempen	Tarikh
Bulan Kempen 1	1-31 Julai 2024
Bulan Kempen 2	1-31 Ogos 2024
Bulan Kempen 3	1-30 September 2024

- C. **Pelanggan Yang Layak** mesti membuat **Transaksi Yang Layak** dalam **Tempoh Kempen** untuk berhak memenangi **Hadiah** dalam Kempen ini. Hadiah akan diberikan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 2(E), berdasarkan prinsip "siapa cepat, dia dapat".
- D. **Transaksi Yang Layak** bermaksud sebarang pemindahan dana ke luar negara dari Malaysia ke Singapura yang berjaya dilakukan oleh **Pelanggan Yang Layak** dalam Tempoh Kempen yang memenuhi kriteria di bawah ini. ("**Transaksi Yang Layak**").
 - Jumlah pemindahan minimum sebanyak RM10,000.
 - Pemindahan dilakukan melalui perkhidmatan Maybank Overseas Transfer pada laman web Maybank2u atau aplikasi MAE.
 - Pemindahan dilakukan dari Akaun Semasa atau Simpanan Maybank/Maybank Islamic dalam Ringgit Malaysia.
- E. Mekanisme Kempen dan Hadiah ("**Hadiah**") dinyatakan dalam jadual di bawah.

Mekanik Kempen	Hadiah
Pelanggan Yang Layak yang melakukan Transaksi Layak berhak mendapat pengecualian yuran (" Hadiah "), tertakluk kepada jumlah kolam pulangan tunai yang diperuntukkan bagi	Pemenang akan berhak mendapat pengecualian Yuran Perkhidmatan & yuran Bank Ejen. Pengecualian yuran akan diberikan dalam bentuk Pulangan Tunai. <ul style="list-style-type: none">- Untuk Transaksi Yang Layak yang dilakukan ke Maybank Singapore Limited (MSL) dan Malayan Banking Berhad, Cawangan

<p>setiap Bulan Kempen. Pemenang ('Pemenang') akan dipilih berdasarkan prinsip "siapa cepat, dia dapat".</p>	<p>Singapura (MBS), Pemenang akan mendapat 100% pulangan tunai untuk yuran perkhidmatan RM10.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Untuk Transaksi Yang Layak yang dilakukan kepada bank lain di Singapura, Pemenang akan mendapat 100% pulangan tunai untuk yuran Perkhidmatan RM10 dan yuran bank ejen SGD2.2. - Pulangan Tunai akan diberi dalam Ringgit Malaysia. Sekiranya yuran yang dikenakan untuk Transaksi Yang Layak bukan dalam Ringgit Malaysia, kadar pertukaran mata wang yang digunakan untuk Transaksi Yang Layak akan digunakan untuk pengiraan Pulangan Tunai. <p>Penetapan had hadiah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Terhadap kepada 1,000 Transaksi Yang Layak pertama yang dilakukan oleh Pelanggan Yang Layak setiap Bulan Kempen. - Sebanyak 3,000 Transaksi Yang Layak yang dilakukan oleh Pelanggan Yang Layak akan dipilih & berhak memenangi Hadiah untuk keseluruhan Tempoh Kempen.
--	---

F. Setiap Pelanggan Yang Layak berhak memenangi satu (1) Hadiah setiap Bulan Kempen.

3.0 Pemenuhan Hadiah

- G. Maybank akan mengenal pasti Pemenang dan mengkreditkan Hadiah ke dalam Akaun Semasa/Akaun Simpanan Maybank/Maybank Islamic Pemenang yang digunakan untuk melakukan Transaksi Layak dalam tempoh 90 hari selepas Tempoh Kempen tamat.
- H. Pemenang akan dimaklumkan secara bertulis melalui paparan notifikasi dari aplikasi MAE atau sebarang kaedah komunikasi lain yang Maybank anggap sesuai. Maybank berhak untuk meminta sebarang maklumat tambahan untuk mengesahkan Pemenang.
- I. Akaun Semasa/Akaun Simpanan Maybank/Maybank Islamic Pemenang yang digunakan untuk melakukan Transaksi Layak tidak boleh berada dalam keadaan dormant, ditahan atau ditutup pada masa Hadiah dikreditkan. Maybank berhak untuk membatalkan Hadiah jika keadaan sedemikian berlaku.
- J. Maybank berhak untuk menggantikan Hadiah dengan mana-mana item lain yang mempunyai nilai pasaran yang serupa sebagaimana yang kami anggap sesuai dengan notis awal sebanyak tujuh (7) hari kalendar kepada Pemenang yang akan dimaklumkan di laman web Maybank2u dan/atau platform lain yang dianggap sesuai oleh Maybank.
- K. Pelanggan Layak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa butiran hubungan mereka seperti nombor telefon bimbit, alamat emel, dan alamat surat-menyurat yang diberikan adalah terkini dan dikemaskini dengan Maybank. Kegagalan untuk berbuat demikian boleh mengakibatkan Pelanggan Layak tersingkir dari Kempen dan Maybank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak atas sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan berbangkit daripadanya) yang dialami sekiranya butiran hubungan Pelanggan Layak dalam rekod Bank tidak dikemaskini.
- L. Pemenang mengakui dan bersetuju bahawa Maybank mempunyai hak untuk (i) menolak penyertaan mereka dalam Kempen ini; dan/atau (ii) menarik balik sebarang Hadiah dari Pemenang jika:
- iii. Pemenang ditemui atau disyaki memanipulasi Mekanik Kempen atau operasi Kempen; atau
 - iv. Pemenang ditemui atau disyaki menjalankan aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang tidak konsisten dengan niat Kempen;

Walaupun demikian, Maybank berhak menolak sebarang penyertaan atau mana-mana Pemenang atas budi bicaranya tanpa memberikan sebarang alasan.

- I. Maybank **TIDAK** akan menyediakan sebarang gantian atau pengganti untuk Hadiah jika Pemenang menolak Hadiah dan/atau menghantar dan/atau meminta pilihan alternatif.
- J. Hadiah yang diberikan kepada Pemenang tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan sebarang jenis produk lain, sama ada sebahagian atau keseluruhan.

5.0 General Terms & Conditions

- A. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan berkenaan dengan sebarang kegagalan teknikal, campur tangan, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat bahawa yang sama tidak disebabkan oleh Maybank.
- B. Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal secara keseluruhan atau sebahagiannya dan berhak untuk mengubah suai mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari ("hari" di sini akan merujuk kepada hari kalendar) mengenainya, yang mana notisnya akan disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui mana-mana saluran lain yang ditentukan oleh Maybank. Adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan yang Layak untuk mengambil tahu atau sebaliknya mendapatkan sebarang notis yang disiarkan secara sah.
- C. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk mengakses laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara kerap untuk melihat terma dan syarat di sini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank sekiranya mana-mana Terma & Syarat tidak difahami sepenuhnya.
- D. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat di sini dan bersetuju serta memberi kebenaran untuk membenarkan data peribadinya dikumpul, diproses, dan digunakan oleh Maybank mengikut Penyata Privasi Maybank, yang boleh dilihat di www.maybank2u.com.my ("Penyata Privasi Maybank") dan Borang PDPA untuk Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan dan tanpa prejudis kepada terma dalam Penyata Privasi Maybank dan Borang PDPA untuk Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan memberi kebenaran untuk data peribadi atau maklumatnya dikumpulkan, diproses, dan digunakan oleh Maybank untuk:

- i. tujuan Kempen; dan
- ii. aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank untuk Kempen ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk media dan bahan pengiklanan atau publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan digital serta di Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tanpa had penggunaan dan/atau penerbitan butiran yang disediakan dalam dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temubual serta jawapan dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank berkaitan dengan Kempen.

*Nota: "PDPA" merujuk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi (2010).

- E. Maybank dan pegawai, petugas, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk tanpa had, manamana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang digunakan oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Yang Layak dalam Kempen ini untuk sebarang kerugian atau kerosakan secara langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen ini melainkan disebabkan oleh sebarang kecuiaan atau ketinggalan yang teruk oleh Maybank.
- F. Maybank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang keingkaran obligasinya di bawah Kempen ini disebabkan oleh sebarang kejadian force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan Tuhan, peperangan, rusuhan, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau sebarang kejadian di luar kawalan yang munasabah oleh Maybank.
- G. Maybank boleh membatalkan kelayakan/menolak mana-mana Pelanggan Yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan di sini dan/atau didapati atau disyaki mengganggu Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang tindakan penipuan berkenaan dengan Kempen.
- H. Terma dan syarat yang dinyatakan di sini akan dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan Kempen ini, sila hubungi talian hotline Khidmat Pelanggan Kumpulan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif, untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan Yang Layak boleh memilih untuk e-mel Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my

